

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI • 019-6680920/ 019-3371066

KUALA LANGAT / SEPANG

Galak komuniti aktif

Penganjuran Karnival Tasik Taman Banting Baru satukan penduduk

BANTING BARU - Persatuan Penduduk Taman Banting Baru menyambut baik usaha pelbagai pihak mengadakan program kemasyarakatan di satu-satunya lokasi tasik di Banting sebagai pusat tumpuan, baru-baru ini.

Pengerusinya, Mohd Shafie Harun berkata, program anjuran Persatuan Penduduk Taman Banting Baru dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib itu berjaya menarik minat lebih 1,000

pengunjung selama empat hari.

Menurutnya, sempena Karnival Tasik Taman Banting Baru itu, Pusat Wanita Berdaya Dun Morib turut mengadakan pelbagai aktiviti termasuk demo masakan, kraf tangan, gubahan, program memancing, pertandingan futsal dan pelbagai acara lagi dalam menggalakkan komuniti aktif.

"Saya nampak lokasi tasik ini amat sesuai dijadikan pusat tumpuan, lagipun ada pelbagai kemudahan

an disediakan sekali gus membantu menarik minat pelbagai pihak untuk turut serta.

"Selain itu, kita anjur program ini sebagai salah satu cara mengeratkan silaturahim kalangan wanita sekitar Dun Morib dan berkongsi ilmu dalam bidang kemahiran," katanya.

Program yang turut dihadiri Adun Morib, Hasnul Baharudin itu juga sebagai platform membuktikan wakil rakyat prihatin dengan aktiviti masyarakat di kawasan sekitar.



Pertandingan memancing di tasik.



Sebahagian peserta masak bertungkus-lumus menyiapkan juadah mereka.



Hasnul menyampaikan hadiah kepada pemenang.



Kumpulan nasyid Rabbani turut memeriahkan majlis.



Acara anyaman ketupat.



Wakil Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat, Dr Shuaiba Mohd Noor memberi taklimat kepada komuniti setempat.



Peserta bersama gubahan mereka.



Sebahagian peserta futsal bergambar bersama Hasnul.